

## PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN, TERENGGANU.

Bil. (60) dlm. PTG. TR. 13/66/SJ. 1 (SEM).

Kuala Terengganu: 3hb. Januari, 1982.  
Bersamaan: 7hb. R' Awal, 1402.

Pemungut Hasil Tanah, Kuala Terengganu.  
Pemungut Hasil Tanah, Besut.  
Pemungut Hasil Tanah, Kemaman.  
Pemungut Hasil Tanah, Dungun.  
Pemungut Hasil Tanah, Hulu Terengganu.  
Pemungut Hasil Tanah, Marang.

### ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, TERENGGANU BIL. 2/1982.

Penggunaan Sistem Metrik Dalam Pentadbiran Tanah Mulai 1,1,1982.

Sebagaimana yang termaklum, berdasarkan Akta Timbang dan Sukat, 1972 (Akta 71) semua bentuk ukuran, sukatan dan timbangan hendaklah menggunakan sistem metrik. Oleh kerana pentadbiran tanah mempunyai ciri-cirinya tersendiri, maka sudah pastilah berbagai kesulitan akan timbul.

2. Saya telah berunding dengan Yang Berhormat, Penasihat Undang-undang berhubung dengan masalah ini terutamanya penggunaan Peraturan-peraturan Tanah, Gallan dan Settlement Negeri yang digunakan dalam aktiviti pentadbiran tanah tiap-tiap hari. Antara lain beliau telah menasihatkan agar pindaan terhadap ketiga-tiga peraturan tersebut ditangguhkan buat sementara waktu. Bagi memenuhi maksud Akta Timbang dan Sukat (Akta 71), memadai diikut peruntukan di bawah Seksyen 34 dan pemakalan Jadual III Akta yang sama.

3. Oleh yang demikian, jika diasaskan Seksyen 34 tersebut, bererti yang ditukar hanyalah unit ukuran/sukatan/timbangan sahaja manakala harganya tetap dikekalkan. Sebagai contohnya: cukai premium yang dikenakan bagi 6 ekar tanah yang ditanam dengan getah, tanah mukim dan diberikan secara geran dikenakan :

Peraturan 8 (Peraturan Tanah Terengganu 1966)

b) Country Land

i) For rubber and oil palm cultivation  
grant - not less than \$ 25.00 and not more than \$ 1,000.00 per 0.404686 hectare  
(dahulunya per acre).

#### PREMIUM YANG DIKENAKAN

Luas tanah 6 ekar - 2.428116 hectare.  
Bayaran 0.404686 hectare ( 1 ekar ) dikenakan misalnya \$ 500.00  
Jumlah 0.404686 hectare x 6 = 2.428116 ha = \$ 3,000.00\*

4. Sehubungan dengan ini juga, semua urusan surat menyurat seperti penyediaan pengesyoran Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Borang-Borang dan pelan-pelan hendaklah dicatit dalam ukuran metrik. Arahan Pengarah Tanah dan Gallan Terengganu Bil. 5/1978 adalah berkaitan.

\* BERKHIDMAT UNTUK NEGARA \*

( DATO' LELA JASA )  
Pengarah Tanah dan Gallan,  
Terengganu.